

REKAAN PROTORCH SETANDING NEGARA LUAR

Sejak 2014, pereka tempatan, Mohd Hosni Rifin, 33, mereka cipta beg galas khas Protorch untuk keselamatan pejalan kaki terutamanya pelajar yang dalam perjalanan ke sekolah pada waktu pagi.

Usaha selama dua tahun itu membawa hasil apabila beg ciptaannya yang terpaksa bersaing dengan kecanggihan peserta daripada Russia dan Amerika Syarikat berjaya menjuarai pertandingan Seoul International Invention Fare 2016, di Korea Selatan dalam kategori trafik, baru-baru ini.

Beg galas itu dilengkapi dengan lampu indikator yang sentiasa berkelip ketika berada di kawasan gelap dan mempunyai isyarat untuk memblok.

Tidak itu saja ia juga kalis air dan ringan dibawa oleh sesiapa termasuk kanak-kanak. Kini ia bukan saji boleh digunakan oleh pelajar, malah juga oleh penunggang basikal untuk mengelakkan kemalangan.

Ciri-ciri

- Ciri utama beg galas adalah sistem isyarat yang mana isyarat akan berkelip untuk memberitahu pengguna jalan raya lain mengenai arah tuju pengguna.
- Lampu Isyarat pada beg boleh dibuka dan dipakai di badan bagi penunggang basikal
- Mempunyai tiga fungsi (mod menunggang atau mod brek, isyarat memblok ke kiri dan kanan)
- Beg ini tidak hanya berfungsi untuk memberi isyarat semata-mata malah ia boleh digunakan untuk mengisi barang.
- Ciri keselamatan lain termasuk pemantul cahaya keselamatan yang lebih jelas disediakan pada bahagian atas beg untuk memudahkan pengguna jalan raya melihat penunggang basikal dan pejalan kaki dari jauh.
- Pelapik lembut ergonomik dengan penyokong tulang belakang yang selesa.
- Mempunyai tiga jenis warna berbeza iaitu putih, biru dan kuning.



Mod menunggang/
mod brek

Isyarat memblok
ke kanan

Isyarat memblok
ke kiri

FAKTA LAIN MENERUSI KAJI SELIDIK HOSNI RIFIN

Statistik berdasarkan rekod PDRM





Beg ini direka cipta khas untuk **pejalan kaki** dan **penunggang basikal**.



- **76,000** pejalan kaki cedera akibat kemalangan jalan raya.

- **3 daripada 4** pejalan kaki menggunakan laluan lalu lintas pada waktu malam.

- **Lebih 500** pejalan kaki dan penunggang basikal maut akibat kemalangan setiap tahun.




Tempat menyimpan barang
(Boleh dibuka 270 °)



Reflektor tambahan untuk lebih mudah dilihat

PROTORCH

Lampu isyarat
(Penglihatan)
boleh diceraikan




Plastik ABS memperkuuh
bahagian hadapan


Berat beg:
1 kilogram

Darjah bukaan beg:
270 °

Kos pembuatan
RM300



MOHD HOSNI RIFIN



JUARA
Seoul International
Invention Fare 2016
Di Korea Selatan
Kategori Trafik

 **IFI**
IFI